

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :**

Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan (nyatakan jumlah amaun) yang diberikan kepada Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) untuk menganjurkan seminar Transformasi Ekonomi Antara Kaum dan Bangsa Teras Sebagai Asas Perpaduan Rakyat dan butiran anjuran seminar ini termasuk tempat dan tarikh.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri tiada menyediakan peruntukan khusus kepada pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA). Walau bagaimanapun sebanyak RM42,500.00 telah disalurkan untuk membantu badan tersebut mengadakan seminar '*Transformasi Ekonomi Antara Kaum Dan Bangsa Teras Sebagai Asas Perpaduan Rakyat*' yang telah dihadiri dan memberi manfaat kepada 5,000 peserta.

Sekian. Terima kasih.